

MPHS

DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

NASKAH PERCUMA

BIL.1#2024

MAJLIS ANUGERAH

Bandar Rendah Karbon 2023

▶▶27



- DIAMOND RECOGNITION
- PROVISIONAL CERTIFICATE



Sila imbas untuk versi digital



19 ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

- KETUA JABATAN PERINGKAT NEGERI SELANGOR

DARIPADA ANDA UNTUK ANDA



*Sekapur Pireh Seulas Pinang,
Dihidang Untuk Makan Bersama,
Kata Dititip Pantun Dikarang,
Sebagai Pembuka Manis Bicara.*

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ

dan salam sejahtera

Salam Malaysia Madani dan Salam Kita Selangor.



Selamat bersua kembali pembaca sekalian. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya Buletin MPHS Edisi 1/2024 bagi imbasan peristiwa dan sorotan aktiviti di sepanjang bulan Januari hingga Jun 2024 berjaya diterbitkan. Ucapan syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja MPHS atas sumbangan idea dan penyediaan laporan secara langsung atau tidak langsung.

Suka saya berpesan kepada warga kerja MPHS untuk mengamalkan gerak kerja selaras dengan visi dan misi serta Pelan Strategik Majlis Perbandaran Hulu Selangor 2024-2028. Sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap perlu diteruskan dan segala cabaran yang ada perlu ditangani dengan baik ke arah pelaksanaan matlamat pembangunan mampan (SDG) 2030.

Besarliah harapan saya agar kita bersama-sama meneruskan kecemerlangan MPHS dengan berkhidmat secara ikhlas dan mesra rakyat selaras dengan Dasar Mesra Rakyat yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Sekian, terima kasih.

TUAN MOHD HASRY BIN NOR MOHD A.M.S
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR

SIDANG
REDAKSI

BULETIN MPHS BIL. 2/2023

PENAUNG Tuan Mohd Hasry Bin Nor Mohd A.M.S.
Yang Dipertua

PENASIHAT Tuan Awaluddin Bin Zakaria, A.M.S.
Setiausaha

KETUA PENGARANG Puan Junainah Binti Abdullah
Ketua Bahagian Korporat

PENGARANG Puan Rabiatul Adawiah Abdul Rahman • Puan Siti Khalijah Mahauddin

JURU FOTO Abdul Azim Bin Abu Bakar

DITERBITKAN OLEH Bahagian Korporat
Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Jalan Bukit Kerajaan
44000 Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor.

Emel: korporatmphs@gmail.com | 03 6064 1331 samb. 121 & 252

KANDUNGAN

SEKAPUR SIREH JANUARI

1. KURSUS INDUKSI MPHS 6
2. LAWATAN KERJA DAN PERKONGSIAN ILMU BERKAITAN PROGRAM PEMURNIAN PELANCONGAN NEGERI SELANGOR (P3S) BERSAMA MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM 6
3. MAJLIS ANGKAT SUMPAH JAWATAN AHLI MAJLIS, MPHS BAGI PENGGAL 2024-2025 7
4. OPS TARGET - OPERASI PEMERIKSAAN PREMIS MAKANAN BERSASAR, JABATAN PENGURUSAN SIS PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (JPSPPA), MPHS 8
5. LAWATAN RASMI TUAN YANG DIPERTUA MPHS KE MODULE LONGI MALAYSIA SDN. BHD. 8
6. OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU - PEMERIKSAAN PREMIS MAKANAN DAN HALANGAN DI KAKI LIMA SERTA KESALAHAN BANGUNAN OLEH MPHS 8
7. LAWATAN NAZIRAN KE COB, MPHS 9
8. PROGRAM LATIHAN PEMBANGUNAN USAHAWAN PLATS (U-PLATS) 9



FEBRUARI

9. LAWATAN KERJA MPKS KE MPHS BAGI TUJUAN PEMBELAJARAN PENGUATKUASAAN PENUTUPAN PREMIS MAKANAN 10
10. LAWATAN KERJA JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA, MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN KE JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA, MPHS 10
11. MAJLIS ANUGERAH BANDAR RENDAH KARBON 2023/24 11
12. MAJLIS PELANCARAN PELAN STRATEGIK 2024-2028 MPHS 12
13. OPERASI OPS LUMPUR 12
14. MAJLIS PERASMIAN DAN TANDATANGAN PLAQUE BANGUNAN PUSAT TRANSIT TADIKA KEMAS RAUDATUL SOFIA KUALA KUBU BHARU 14



MAC

15. MAJLIS APRESIASI BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB) DAN PERBADANAN PENGURUSAN (MC) MPHS 2023 14
16. HARI WANITA PERINGKAT MPHS 15

KANDUNGAN

MAJLIS BERBUKA PUASA (IHYA' RAMADAN) D.Y.M.M. SULTAN SELANGOR BERSAMA RAKYAT

16



- | | |
|---|----|
| 17. PROGRAM HARI DERMA DARAH | 15 |
| 18. MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2023 | 16 |
| 19. MAJLIS SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI D.Y.T.M. RAJA MUDA SELANGOR | 17 |
| 20. PROGRAM AGIHAN BUBUR LAMBUK | 17 |
| 21. MAJLIS PERHIMPUNAN PAGI MPHS | 18 |
| 22. MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN (JKSTP) DRAF PERANCANGAN TEMPATAN DAERAH HULU SELANGOR 2035 (PENGUBAHAN 1) | 18 |
| 23. PROGRAM PELANCARAN BAZAR RAMADAN MAMPAN 2024 DAN KEMPEN BEBAS BEG PLASTIK | 19 |
| 24. MAJLIS TAZKIRAH RAMADAN | 19 |

APRIL

- | | |
|---|----|
| 25. PROGRAM BUBUR LAMBUK DAN JUADAH IFTAR AIDILFITRI 2024 | 20 |
| 26. MAJLIS PERASMIAN DAN PROGRAM IFTAR RAMADAN WLAM BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN <i>WORLD LANDSCAPE ARCHITECTURE MONTH 2024</i> | 20 |
| 27. <i>#WORLD QURAN HOUR</i> | 20 |
| 28. KEMPEN KESELAMATAN JALANRAYA MENJELANG AIDILFITRI PERINGKAT DAERAH HULU SELANGOR | 21 |
| 29. SENTUHAN KASIH MENTERI KEMENTERIAN PERUMAHAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) | 21 |
| 30. MALAM GALA <i>DINNER WLAM</i> | 22 |
| 31. JOM BACA BERSAMA ' BACA DAN BAHAGIA ' | 22 |
| 32. RUMAH TERBUKA AIDILFITRI ' RIUH RAYA #KITASELANGOR ' | 23 |
| 33. MESYUARAT KDSK | 23 |

MEI

- | | |
|---|----|
| 34. PROGRAM INTEGRITI MPHS - CERAMAH JENAYAH SIBER " <i>SCAMMER</i> " | 24 |
| 35. MAJLIS PECAH TANAH 'RUMAH SELANGORKU' | 25 |
| 36. MAJLIS PERASMIAN PENJENAMAAN SEMULA PERPUSTAKAAN SYED MASHOR, KUALA KUBU BHARU | 25 |
| 37. MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM DRAF PERANCANGAN STRUKTUR NEGERI SELANGOR 2035 (PENGUBAHAN) | 26 |
| 38. M.E.S.R.A. ECRL - KARNIVAL KERJAYA ECRL | 26 |
| 39. PROGRAM MESRA KOMUNITI ZON KUALA KUBU BHARU 2024 | 27 |
| 40. MPHS MENJADI TUAN RUMAH MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (MKN) DAN MESYUARAT POST EXCO | 27 |
| 41. SESI LIBAT URUS PENGURUSAN ADUAN AWAM BERSAMA MPHS | 28 |
| 42. LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI KPKT KE PROJEK PERUMAHAN SWASTA DAERAH HULU SELANGOR | 28 |



| | |
|---|----|
| 43. SESI LIBAT URUS JAWATANKUASA PENGURUSAN TAMAN PERUSAHAAN (IPMC) MPHS 2024 | 28 |
| 44. SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA 2024 PERINGKAT NEGERI SELANGOR | 29 |
| 45. SESI KUNJUNGAN HORMAT SELANGOR FC KE MPHS | 29 |
| 46. KUNJUNG HORMAT YANG BERTAMBAH HORMAT PUAN PANG SOCK TAO KE MPHS | 29 |
| 47. TAKLIMAT KESEDARAN INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS) 2024 | 30 |
| 48. 'DAULAT TUANKU' - HARI LANDSKAP NEGARA 2024 | 30 |



| | |
|--|----|
| 49. OPERASI PEROBOHAN STRUKTUR HARAM | 32 |
| 50. SESI LIBAT URUS PROGRAM PEMURNIAN PELANCONGAN SELANGOR (P3S) | 32 |

JUN

| | |
|---|----|
| 51. ISTIADAT PENGURNIAN PINGAT NEGERI SELANGOR | 33 |
| 52. SESI LIBAT URUS BERSAMA PENDUDUK JALAN TITIWANGSA | 33 |
| 53. ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023 (APC) | 34 |
| 54. HARI INOVASI | 34 |

| | |
|--|--------------|
| 55. PROGRAM AHLI MAJLIS | 35-38 |
| 56. LAPORAN ADUAN | 39-41 |
| 57. DIREKTORI PENGURUSAN TERTINGGI MPHS DAN AHLI MAJLIS | 42-43 |

KURSUS INDUKSI MPHS

11 JANUARI 2024 • AUDITORIUM DATO' ABDUL HAMID, BATANG KALI Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah mengadakan Kursus Induksi Umum Bagi Pegawai/Kakitangan Tetap dan Kontrak MPHS Tahun 2024 yang melibatkan pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada Gred 19 hingga Gred 41 lantikan dari Januari 2023 hingga Januari 2024. Turut hadir di dalam kursus tersebut Pentadbir Cuti setiap Jabatan, Barisan AJK ANULAE dan Ahli AKRAB. Antara pengisian kursus ialah pegawai/ kakitangan didedahkan dengan Nilai dan Etika Perkhidmatan Awam, Perintah Am dan Pekeliling-pekeling Perkhidmatan yang disampaikan oleh Encik Mohd Norazif bin Ahmad Tamsis, Pengarah Khidmat Pengurusan. Seterusnya penerangan mengenai Kaedah-kaedah Pegawai MPHS (Kelakuan dan Tatatertib) 2023 telah disampaikan oleh Encik Abdullah Shahril bin Rosli, Ketua Unit Integriti dan Arahan Perbendaharaan oleh Encik Shaiful Rizza bin Haji Pamin, Pengarah Perbendaharaan. Yang Berusaha Tuan Awaluddin bin Zakaria (Timbalan YDP) telah hadir menyampaikan amanat dan seterusnya merasmikan Majlis Penutup Kursus Induksi Umum Bagi Pegawai/ Kakitangan Tetap dan Kontrak MPHS 2024. Di dalam amanat yang disampaikan beliau mengucapkan tahniah kepada semua pegawai/kakitangan yang baru dilantik dan berharap mereka dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik agar kecemerlangan MPHS dapat terus dikekalkan hasil kerjasama semua warga kerja MPHS.



LAWATAN KERJA DAN PERKONGSIAN ILMU BERKAITAN PROGRAM PEMURNIAN PELANCONGAN NEGERI SELANGOR (P3S) BERSAMA MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

11 JANUARI 2024 • BILIK MESYUARAT CHILING. Seramai 32 orang pegawai dan kakitangan Majlis Daerah Sabak Bernam turut serta bagi lawatan ke Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Delegasi yang diketuai oleh Tuan Mohd Azreen bin Ariffin, Setiausaha Majlis Daerah Sabak Bernam disambut oleh Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Tujuan lawatan ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman Majlis Perbandaran Hulu Selangor mengenai Pelaksanaan Program Pemurnian Pelancongan Negeri Selangor (P3S) dalam usaha memberi kelulusan kepada premis-premis penginapan pelancongan luar bandar. Sesi taklimat Pelaksanaan Program Pemurnian Pelancongan Negeri Selangor (P3S) disampaikan oleh TPr. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Jabatan Perancang Bandar Majlis Perbandaran Hulu Selangor.



OPERASI JABATAN PENILAIAN

12 JANUARI 2024

Operasi perobohan kiosk-kiosk Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) di Jalan Kamunting Bukit Beruntung, Jalan Jenjarum Bukit Beruntung, Jalan Seroja Bukit Sentosa dan Jalan Anggerik, Bukit Sentosa.



MAJLIS ANGKAT SUMPAAH JAWATAN AHLI MAJLIS, MPHS BAGI PENGGAL TAHUN 2024 – 2025

18 JANUARI 2024 • BILIK MESYUARAT CHILING



Majlis telah disempurnakan di hadapan Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Ketua-Ketua WHIP serta Pengarah-Pengarah dan Ketua-Ketua Bahagian Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Seramai **22 orang Ahli Majlis** telah mengangkat sumpah yang terdiri daripada 17 lantikan semula termasuk Orang Besar Daerah dan lima lantikan baharu. Lantikan Ahli Majlis oleh Kerajaan Negeri Selangor ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke-31 pada 13 Disember 2023. Barisan Ahli Majlis yang baharu bagi penggal tahun 2024 hingga tahun 2025 ini terdiri daripada beberapa komposisi iaitu seorang Orang Besar Daerah (OBD), lapan orang dari Parti Keadilan Rakyat (PKR), lapan orang dari *Democratic Action Party* (DAP) dan lima orang dari Parti Amanah Negara (AMANAH). Lantikan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2025.



OPS TARGET OPERASI PEMERIKSAAN PREMIS MAKANAN BERSASAR, JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (JPSPPA), MPHS



19 JANUARI 2024. Pemeriksaan didapati premis ini telah melanggar peraturan kebersihan yang telah ditetapkan oleh pihak MPHS. Pihak UKPPM, JPSPPA telah menjumpai hurungan lipas dan jentik-jentik. Perintah menutup premis dikeluarkan selama 14 hari oleh UKPPM, JPSPPA.



LAWATAN RASMI TUAN YANG DIPERTUA MPHS KE MODULE LONGI MALAYSIA SDN. BHD.

22 JANUARI 2024 • LONGI MODULE PLANT SERENDAH

Lawatan ini diketuai oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Turut hadir Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua, TPr. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Jabatan Perancang Bandar, Encik Md. Rizal bin Mohd Sofian @ Abd Karim Pengarah Jabatan Bangunan, Puan Junainah binti Abdullah, Ketua Bahagian Korporat, Encik Mohd Razaini bin Ishak, Ketua Bahagian Pusat Setempat (OSC) serta pegawai-pegawai teknikal Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Ketibaan delegasi telah disambut oleh Encik Ng Yong Khoi, General Manager, Module Longi Malaysia Sdn. Bhd. Delegasi telah diberi taklimat berkaitan operasi Longi Module Plant Serendah oleh Encik Nelson Chin Ching Yung dan dibawa untuk melihat proses pemasangan panel solar. Sebagai simbolik lawatan ini, Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah menyerahkan lukisan *Ruby-cheeked sunbird* yang telah dilukis oleh Cik Yong Ming Kuan, pemenang kedua *Birds Painting WOKKB 2022* sebagai momento dan promosi program tahunan Wings of KKB. Majlis Perbandaran Hulu Selangor berharap melalui lawatan ini kerjasama dua hala antara PBT dan pemain industri dapat menarik minat para pelabur pada masa akan datang.



OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU PEMERIKSAAN PREMIS MAKANAN DAN HALANGAN DI KAKI LIMA SERTA KESALAHAN BANGUNAN OLEH MPHS

29 JANUARI 2024 • JALAN ORKID 1B, BUKIT SENTOSA. Sebuah premis makanan telah dikenakan tindakan di dalam satu Operasi Penguatkuasaan Pemeriksaan Premis Makanan Dan Halangan di Kaki Lima Serta Kesalahan Bangunan oleh MPHS bertempat di Jalan Orkid 1B, Bukit Sentosa pada 19 Januari 2024 yang lalu. Operasi ini dijalankan susulan aduan yang diterima melalui sosial media mengenai sebuah premis yang didapati telah membina struktur dan meletakkan barang perniagaan sehingga menghalang laluan kaki lima tanpa kebenaran pihak majlis. Selain itu, anggota penguatkuasa turut mengeluarkan 2 kompaun di bawah Undang-undang Kecil (UUK) 3(1) Undang-undang Kecil (UUK) Establisymen Makanan iaitu menjalankan aktiviti Establisymen Tanpa Kebenaran daripada MPHS dan Undang-undang Kecil (UUK) 7 Undang-undang Kecil (UUK) Iklan 2007 iaitu telah mempamerkan iklan tanpa kebenaran/lesen daripada MPHS. Pada masa yang sama, Jabatan Bangunan turut menjalankan pemeriksaan sebanyak 8 unit premis di sepanjang Jalan Orkid 1B yang mana sebanyak 2 tawaran kompaun dan 5 notis arahan / kesalahan dikeluarkan di bawah Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) kerana didapati membuat tambahan dan ubahsuai bangunan serta membuat halangan di lorong belakang tanpa kebenaran Majlis.



LAWATAN NAZIRAN KE COB MPHS

29 JANUARI 2024 • BILIK MESYUARAT LATA MEDANG. Lawatan naziran daripada Bahagian Pengurusan Strata, Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diketuai oleh Tuan Mohd Amirul Amir bin Ismail, Penolong Pengarah Kanan. Turut hadir Inspektor Musa bin Salleh serta Sarjan Sukor bin Abu Hassan. Tujuan lawatan untuk membuat pemeriksaan/semakan serta bertukar pandangan berkenaan kertas siasatan di bawah COB Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Delegasi disambut oleh Puan Nurul Asshima binti Aminullah, Ketua Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) Majlis Perbandaran Hulu Selangor bersama-sama dengan Puan Nabilah Ajmal binti Amir Kamaludin, Pen. Peg. Penilaian, Encik Zaid bin Zakaria, Penolong Akauntan dan Nurul Zuhanna Ali binti Abdul Razak, Pembantu Tadbir. Dalam sesi lawatan kerja ini Puan Asshima dan pegawai teknikal yang terlibat telah memberikan taklimat dan penerangan berkenaan pentadbiran pengurusan kertas siasatan dan

pelaksanaan penguatkuasaan pengkompaunan dan pendakwaan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) yang telah dilaksanakan di kawasan pemajuan strata Hulu Selangor. Pihak COB Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah membuka kertas siasatan dan menjalankan siasatan bagi kes pemfailan ingkar Award di bawah Seksyen 123, Akta Pengurusan Strata 2013 yang melibatkan tuntutan caj penyenggaraan dan struktur tanpa kebenaran di kawasan pemajuan strata. Selain daripada itu, pihak COB Majlis Perbandaran Hulu Selangor juga telah mengeluarkan kompaun kepada pihak telah gagal untuk mematuhi undang-undang di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Susulan daripada lawatan naziran oleh pihak KPKT ini, COB MPHS akan meneruskan penguatkuasaan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata 2015 (Penyenggaraan & Pengurusan), Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Pengkompaunan Kesalahan) 2019.



PROGRAM LATIHAN PEMBANGUNAN USAHAWAN PLATS (U-PLATS)

29 JANUARI 2024 • DEWAN ORANG RAMAI, SERENDAH

Program ini dianjurkan oleh Platform Selangor (PLATS) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan Majlis Perbandaran Selayang. Seramai **60 orang peserta** kursus yang terdiri daripada peniaga dari kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Hulu Selangor dan Selayang telah menyertai **Modul 1: Pengenalan Kepada Keusahawanan (Kursus Asas Keusahawanan (KAK) dan Pembayaran Tanpa Tunai**. Taklimat kelas Modul 1 ini disampaikan oleh Encik Akmal Ilham. Para peniaga diberikan pendedahan bagi menambah ilmu pengetahuan untuk menguruskan bisnes dengan lebih teratur. Malahan, para peniaga juga dapat menggunakan digital platform bagi memasarkan idea perniagaan di platform pemasaran digital. Diharapkan para peniaga yang menyertai program ini mendapat manfaat dan dapat membantu dalam mengembangkan lagi perniagaan yang dijalankan.



LAWATAN KERJA MPKS KE MPHS BAGI TUJUAN PEMBELAJARAN PENGUATKUASAAN PENUTUPAN PERMIS MAKANAN



1 FEBRUARI 2024 • MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR.

Jabatan Kesihatan Persekitaran, Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengambil inisiatif untuk mempelajari dan memahami proses penguatkuasaan dan undang-undang yang berkaitan proses penutupan premis yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Penutupan premis makanan adalah suatu penguatkuasaan yang penting dalam pemeriksaan premis makanan bagi memastikan premis makanan sentiasa berada didalam keadaan yang suci, bersih dan bebas dari haiwan perosak.

Pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah berkongsi proses penguatkuasaan penutupan premis makanan berserta prosedur, peralatan penutupan premis makanan, borang-borang penutupan premis makanan dan undang-undang yang berkaitan. Semoga perkongsian ini dapat meningkatkan mutu kualiti kerja Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor dalam meningkatkan kesedaran terhadap kebersihan premis makanan di kedua-dua daerah.



LAWATAN KERJA JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA, MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN KE JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA, MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR

15 FEBRUARI 2024 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU

Lawatan kerja ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan teknikal, mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan mempelajari kaedah yang digunakan oleh pihak Majlis Perbandaran Hulu Selangor dalam menentukan nilai cukai taksiran bagi premis pelancongan. Delegasi seramai 35 orang ini diketuai oleh Puan Norzuliana binti Abd Manan, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Seremban. Ketibaan delegasi disambut oleh Encik Amlie bin Ismail, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Sesi taklimat inap dusun disampaikan oleh TPr. Azlina binti Moktar, Pengarah Jabatan Perancang Bandar. Manakala cukai taksiran inap dusun disampaikan oleh Encik Amlie bin Ismail. Lawatan kerja diakhiri dengan lawatan tapak ke Rumah Sungai dan Rumah Hutan di Batang Kali.



Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2023

7 FEBRUARI 2024 • M RESORT & HOTEL, KUALA LUMPUR

Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah menerima Pengiktirafan **'Diamond Recognition'** dan Pengiktirafan **'Provisional Certificate'** bersempena dengan Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2023 yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES). Hadir menerima penganugerahan tersebut Tuan Mohd Hasri bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Turut hadir pada majlis tersebut Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua, TPr. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Jabatan Perancang



Bandar, Puan Ruzita binti Mohamad Yusoh, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Bukit Beruntung dan Puan Kalawathi a/p Singaram, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Bukit Beruntung. Melalui pengiktirafan yang diterima ini menunjukkan komitmen dan usaha berterusan oleh pihak Majlis Perbandaran Hulu Selangor bagi menyokong hasrat kementerian dan kerajaan dalam mengurangkan pelepasan karbon 45% pada tahun 2030 dan hasrat Majlis Perbandaran Hulu Selangor ke arah Bandar Rendah Karbon pada tahun 2035.

DIAMOND RECOGNITION

Zon Bandar Rendah Karbon (LCC Zone)

Zon Bandar Kuala Kubu Bharu
Zon Kawasan Perindustrian Kenanga – Jasmine Bukit Beruntung

Rakan Kongsi (Partners)

Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Hulu Selangor

PROVISIONAL CERTIFICATE

Zon Bandar Rendah Karbon (LCC Zone)

Kawasan Perindustrian Bernilai Tinggi Serendah
Rakan Kongsi (Partners)

Sekolah Kebangsaan Bukit Beruntung
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Bukit Beruntung



Majlis Pelancaran PELAN 2024 STRATEGIK 2028 MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR



19 FEBRUARI 2024 • GEO RESORT & HOTEL, GENTING HIGHLANDS. Majlis perasmian disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bersama Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Tetamu kehormat yang hadir terdiri daripada Tuan Yuhanas Auree bin Kamaruddin, Pegawai Daerah Hulu Selangor, Yang Amat Dihormati Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor dan Tuan Mohamed Firdaus bin Othman, Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Pelan strategik berkenaan merupakan manifestasi komitmen Majlis Perbandaran Hulu Selangor terhadap dasar-dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri terhadap usaha mewujudkan perkhidmatan awam yang lebih cemerlang. Pembangunan Pelan Strategik ini memberi penekanan kepada matlamat keberhasilan yang lebih sistematik, inklusif dan holistik. Ia diterjemahkan dengan memfokuskan kepada 3K iaitu Kelestarian Kehidupan, Keseimbangan Alam Sekitar dan Kemakmuran Pembangunan yang dilihat dapat melonjakkan lagi Daerah Hulu Selangor ke arah lebih ke hadapan. Pelan Strategik ini menggariskan arah tuju Majlis Perbandaran Hulu Selangor yang jelas dalam merealisasikan visi MPHS yang baharu iaitu Perbandaran Pintar, Lestari dan Dinamik. Bagi memastikan ianya tercapai, MPHS memfokuskan tiga teras utama iaitu tadbir urus yang dinamik, pembentukan masyarakat pintar dari segi ekonomi dan sosial serta kelestarian alam sekitar. Tetamu yang hadir turut menyaksikan pelancaran inisiatif-inisiatif Majlis Perbandaran Hulu Selangor iaitu aplikasi MPHS GO, platform Bil Maya dan MPHS Pay serta Penyampaian Hadiah Pertandingan Tandas Bersih, Menawan dan Wangi (BMW) Peringkat Daerah Hulu Selangor tahun 2023 kepada para pemenang.





OPERASI OPS LUMPUR

27 FEBRUARI 2024 • KAWASAN SERENDAH DAN BATANG KALI. Satu operasi ops lumpur telah dijalankan oleh JPS Negeri Selangor dengan kerjasama JPS Hulu Selangor dan Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Operasi ini telah diketuai oleh Puan Sri Yanty binti Samsuri, Penolong Jurutera Kanan JPS Negeri Selangor. Operasi ini dijalankan di beberapa kawasan pembangunan di Serendah dan Batang Kali bagi tujuan pemantauan dan keberkesanan *erosion and sediment control (ESCP)* di tapak bina sepanjang kerja-kerja tanah dijalankan.





Antara kepentingan ESCP adalah merancang untuk mengurangkan kesan negatif pergerakan sedimen daripada tapak projek ke kawasan sekitar; Membantu kontraktor dan penduduk menguruskan sumber tanah di tapak bina dengan betul; Membangunkan strategi yang cekap dan menghapuskan kaedah yang kurang berkesan yang boleh menjejaskan rantaai sekitar; ESCP juga mesti disesuaikan dengan keadaan tanah, cuaca dan pembinaan yang akan dijalankan. Hasil operasi ini, satu kompaun telah dikeluarkan kepada pihak penaja kerana kesalahan tidak mematuhi apa-apa arahan/syarat yang telah ditetapkan di bawah Seksyen/Peruntukan: Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 183) Seksyen 70A(9) dan jumlah nilai kompaun yang dikenakan adalah sebanyak **RM 25,000.00** (RM 25,000.00).

GAGASAN RUMPUN SELANGOR

21-23 FEBRUARI 2024 • DAERAH HULU SELANGOR

Majlis Perbandaran Hulu Selangor merafak sembah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih atas keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibrni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor ke daerah Hulu Selangor bersempena program ini dengan kunjungan Raja Muda Selangor ke sekitar Pekan Kuala Kubu Bharu yang disambut meriah dengan paluan gendang tradisional masyarakat Tionghua dan paluan kompong sebelum melawat lorong seni yang dikenali sebagai Kuala Kubu Bharu Back Lane Art Gallery. Raja Muda Selangor diiringi oleh YB Datuk Hj. Rizam Hj. Ismail, EXCO Kemajuan Desa, Perpaduan & Pengguna, Tuan Mohd Hasry Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor



mempamerkan hasil tangan anak tempatan yang memaparkan mengenai pelancongan, sejarah, aktiviti lasak serta Orang Asli yang menjadi tarikan pelancong ke Kuala Kubu Bharu. Raja Muda Selangor turut dipersembahkan dengan beberapa persembahan seperti persembahan seni mempertahankan diri silambam, tarian tradisional melayu dan tarian sewang Orang Asli. Raja Muda Selangor kemudian berangkat ke Rumah Sungai, Batang Kali dan seterusnya berangkat ke Kampung Orang Asli Hulu Tamu, Batang Kali dan Pasar Malam Bukit Sentosa sebelum meneruskan santapan malam bersama wakil Jabatan Persekutuan dan Negeri di Fraser Valley, Ampang Pecah. Sepanjang lawatan Raja Muda Selangor juga berkenan memenuhi permintaan rakyat pelbagai kaum yang mahu bergambar selain beramah mesra dan bertanya khabar mereka.

Pada hari kedua Raja Muda bersama-sama pula dengan warga Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan telah dibawa untuk melihat fasiliti dan hasil kerja pelajar-pelajar di situ seperti menjahit, potong rambut, kulineri dan mekap. Kemudian, Raja Muda Selangor turut berkenan untuk membuat kunjungan ke Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu untuk menyantuni, mendekati dan memberi seumbangan kepada setiap penghuni di situ. Kebanyakan penghuni merupakan warga emas yang uzur, daif dan tidak berwaris diberikan jagaan. Pada sebelah petang, Raja Muda Selangor berkenan untuk melakukan aktiviti menanam pokok Raja Kayu di Santuari Ikan Kelah, Sungai Chiling sebelum berangkat ke Majlis Perasmian Gagasan Rumpun Selangor di Dewan Serbaguna dan Kompleks Sukan, Kuala Kubu Bharu yang turut dihadiri YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.



Pada hari ketiga Raja Muda Selangor berkenan solat subuh berjemaah bersama rakyat Kuala Kubu Bharu di Masjid Warisan Ampang Pecah dan berkenan untuk melakukan aktiviti plogging di kawasan rekreasi Alor Lempah bersama-sama warga kerja daripada Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor, Air Selangor, Majlis Perbandaran Hulu Selangor serta pelajar dari Institut Kemahiran Belia Negara Peretak dan Darul Quran.



Sebelum keberangkatan pulang, Raja Muda Selangor mencemar duli menyerahkan sumbangan kepada anak-anak yatim di Masjid Ar-Rahimah, Kuala Kubu Bharu sebelum menunaikan solat Jumaat di masjid tersebut. Sumbangan membabitkan sejumlah RM16,500 yang diperuntukkan dari pejabat EXCO Kemajuan Desa, Perpaduan & Pengguna, Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor dan Orang Besar Daerah Hulu Selangor kepada 55 anak yatim dengan masing-masing menerima RM300. Selain itu, Raja Muda Selangor berkenan mencemar duli menghulurkan sumbangan baik pulih rumah, perubatan serta masjid dan surau sekitar Hulu Selangor daripada Lembaga Zakat Selangor.



Pada majlis sama Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor berkesempatan mempersembahkan cenderamata kepada Raja Muda Selangor berbentuk buku, kuih tart dan gambar bersempena dengan keberangkatan Raja Muda Selangor ke Daerah Hulu Selangor.



MAJLIS PERASMIAN DAN TANDATANGAN PLAQUE BANGUNAN PUSAT TRANSIT TADIKA KEMAS RAUDHATUL SOFIA KUALA KUBU BHARU

29 FEBRUARI 2024 • TADIKA KEMAS RAUDHATUL SOFIA, KUALA KUBU BHARU

Tabung endowmen Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah melaksanakan kerja-kerja mengubahsuai dan membaik pulih bangunan pusat transit Tadika Kemas Raudhatul Sofia, Kuala Kubu Bharu. Inisiatif ini adalah salah satu langkah Majlis Perbandaran Hulu Selangor dalam menyumbang kepada agenda Pendidikan Berkualiti dibawah SDG-4. Majlis perasmian dan menandatangani plaque telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Endowmen MPHS. Turut hadir ke majlis tersebut Yang Amat Dihormati Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa,



Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Ahli-Ahli Majlis dan Pengarah-Pengarah Jabatan/Ketua-Ketua Bahagian Majlis Perbandaran Hulu Selangor.



Majlis Apresiasi

BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB) DAN PERBADANAN PENGURUSAN (MC) MPHS 2023

5 MAC 2024 • SETIA ECO TEMPLER, RAWANG

Majlis apresiasi ini telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Hafiz bin Hassan, Timbalan Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Turut hadir Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua merangkap Timbalan Pesuruhjaya Bangunan 1 Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Ketua-Ketua Whip Ahli Majlis, Pengarah dan Ketua Jabatan Pesuruhjaya Bangunan PBT Negeri Selangor, wakil-wakil jabatan dalam Majlis Perbandaran Hulu Selangor serta anggota-anggota Jawatankuasa Badan

Pengurusan Bersama (JMB)/Perbadanan Pengurusan (MC). Majlis ini bertujuan untuk memberi penganugerahan kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) dalam menguruskan dan menyenggara kawasan masing-masing berdasarkan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di bawah Akta 757. Sistem permorkahan dilaksanakan berdasarkan Penarafan Bintang Skim Pemajuan Bangunan Berstrata yang ditetapkan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

PEMENANG ANUGERAH PENGURUSAN, PENYENGGARAAN DAN KEWANGAN TERBAIK

- JMB Pangsapuri Tanjung, Bukit Beruntung
- JMB Pangsapuri Anggerik, Taman Bunga Raya
- JMB Pangsapuri Seri Bakawali, Bukit Sentosa
- MC Apartment Ria, Genting Highlands
- JMB Pangsapuri Seri Kembangan, Bukit Beruntung

PEMENANG ANUGERAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN STRATA 4 BINTANG

- MC Pangsapuri Seri Tulip, Bukit Sentosa
- MC Pangsapuri Seri Bestari, Hulu Bernam
- JMB Pangsapuri Seri Trompet, Bukit Beruntung
- JMB Pangsapuri Buginvilla, Taman Bunga Raya
- JMB Pangsapuri Seri Anggerik 3, Bukit Sentosa
- JMB Pangsapuri Teratai, Taman Bunga Raya
- JMB Pangsapuri Kenanga, Taman Bunga Raya
- JMB Pangsapuri Dahlia, Taman Bunga Raya
- JMB Pangsapuri Mawar, Taman Bunga Raya
- MC Pangsapuri Seri Teluki, Bukit Sentosa





Program dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Hulu Selangor dengan kerjasama ANULAE Cawangan MPHS, Kelab Sukan dan Kebajikan MPHS serta Akrab MPHS bersempena dengan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang disambut bagi meraikan **133 wanita hebat** yang berada di MPHS dengan bertemakan '**Wanita Dijulang Negara Gemilang**'. Pada masa yang sama, ianya bertujuan untuk mengiktiraf pencapaian mereka ini dalam pelbagai bidang serta memperjuangkan hak mereka. Majlis dirasmikan oleh Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Turut hadir bersama Ahli Majlis MPHS iaitu Puan Saripah binti Bakar, Puan Hayati binti Chat dan Puan Wong Sheau Mei@Ong Sheau Mei.

Bagi memeriahkan sambutan ini, pelbagai aktiviti telah dijalankan dan peserta telah dibahagikan kepada enam kumpulan iaitu Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Lekir, Hang Leki, Hang Kasturi dan Hang Nadim. Majlis turut diserikan dengan kemunculan istimewa artis tanah air, Sharifah Sofia yang sudi menjadi juri jemputan bagi pertandingan persembahan. Aktiviti bermula dengan senam aerobik diikuti pula dengan pertandingan congkak, tas tangan, teka judul filem, gubahan agar-agar dan tuala. **Juara** keseluruhan telah dirangkul oleh **Kumpulan Hang Tuah** manakala pertandingan pakaian tertantit telah dimenangi oleh Puan Rosmaini binti Mohamed Rosli.



Program HARI DERMA DARAH

8 MAC 2024 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU



Majlis Perbandaran Hulu Selangor dengan kerjasama Anulae Cawangan MPHS, KSDK MPHS dan Akrab MPHS telah mengadakan Program Hari Derma Darah pada 8 Mac 2024 di Dewan Merdeka. Seramai **100 penderma** hadir di dalam program derma darah bersama

Pusat Darah Negara dan melebihi sasaran iaitu 80 penderma yg terdiri dari ahli ANULAE Cawangan MPHS, pegawai dari agensi kerajaan /swasta serta penduduk daerah Hulu Selangor.



Majlis ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2023

9 MAC 2024 • MARDHIYYAH HOTEL & SUITES, SHAH ALAM



Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah menerima **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023** bagi kategori **Ketua Jabatan Peringkat Negeri**. Majlis penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dengan diiringi oleh Yang Berhormat Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.



Seluruh warga Majlis Perbandaran Hulu Selangor mengucapkan **syabas dan tahniah** kepada Tuan Yang Dipertua atas penerimaan anugerah tersebut.



MAJLIS BERBUKA PUASA (IHYA' RAMADAN) D.Y.M.M SULTAN SELANGOR BERSAMA RAKYAT

23 MAC 2024 • MASJID AL-KHOLIDIAH,
KAMPUNG MELAYU RASA, RASA



Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah berkenaan menghadiri Majlis Berbuka Puasa bersama Rakyat Hulu Selangor dan seterusnya menyampaikan Sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada hampir 500 penerima yang terdiri daripada kalangan fakir miskin, asnaf dan saudara baru.

Baginda turut berkenaan merasmikan Masjid Al-Kholidiah, Rasa yang telah secara rasminya dikenali sebagai **Masjid Kampung Melayu Rasa**. Turut hadir Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, Yang Berhormat Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Tuan Yuhanas Auree bin Kamarudin, Tuan Pegawai Daerah, Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Engku Orang Kaya Maha Bijaya Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Exco-Exco Kerajaan Negeri Selangor serta pemimpin-pemimpin Negeri Selangor dan Daerah Hulu Selangor.



Majlis SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI DYTM RAJA MUDA SELANGOR



23 MAC 2024 • MASJID NURUL IMAN, SERENDAH. Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor berkenan mencemar duli untuk menyantuni dan menyerahkan sumbangan kepada seramai **487** anak-anak yatim di Daerah Hulu Selangor bersempena Majlis Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Bersama Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor anjuran Yayasan Islam Darul Ehsan. DYTM Raja Muda



Selangor juga telah memperkenan menyampaikan watiwah lantikan kepada 3 orang Ketua Sahabat Prihatin YIDE (K-SPY) dari daerah Hulu Selangor yang berperanan membantu dan menyokong YIDE untuk mengenalpasti anak-anak yatim baharu di daerah ini. Begitu juga peranan mereka membantu YIDE dari segi kutipan sumbangan melalui Program Kupon Infaq Yatim YIDE yang sedang berlangsung di 9 daerah di Negeri Selangor sepanjang bulan Ramadan ini. Yang Dipertua MPH S, Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd bersama Timbalan Yang Dipertua, Tuan Awaluddin bin Zakaria turut hadir ke majlis berkenaan sebagai tanda sokongan atas penganjuran program yang telah dijalankan.

PROGRAM AGIHAN BUBUR LAMBUK

23 MAC 2024

TAPAK BAZAR RAMADAN MAMPAN JALAN ARA,
BATANG KALI



Program disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dengan diiringi oleh Yang Berhormat Datuk Rizam bin Ismail, Exco Kemajuan Desa, Perpaduan dan Pengguna Negeri Selangor. Turut menyertai program berkenaan ialah Tuan Mohd Hasry Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Tuan Saifuddin bin Shafi Muhammad, Penyelaras DUN Batang Kali serta pemimpin-pemimpin tempatan. Dato' Menteri Besar Selangor turut mengambil kesempatan beramah mesra dengan para peniaga dan pengunjung di tapak bazar. Terdahulu, Dato' Menteri Besar berkesempatan menunaikan solat asar berjemaah dengan kariah Masjid As-Sajidin, Batang Kali.



DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

MAJLIS Perhimpunan Pagi MPHS

25 MAC 2024 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU



Majlis Perhimpunan Bulanan ini dihoskan oleh Jabatan Perancang Bandar bertempat di Dewan Merdeka, Kuala Kubu Bharu. Majlis tersebut telah dihadiri oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor bersama Encik Mohd Norazif bin Ahmad Tamsis, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, TPr. Gs. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Jabatan Perancang Bandar. Turut hadir pada majlis ini barisan Ahli Majlis, Pengarah Jabatan dan Ketua Bahagian serta warga kerja Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Tuan Yang Dipertua telah menyampaikan ucapan serta amanat yang mana dalam ucapannya, beliau menyeru kepada seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Hulu Selangor agar **bersatu padu dan saling bekerjasama antara satu sama lain dalam melaksanakan tugas**. Beliau juga turut menegaskan, kejayaan yang dicapai pada hari ini merupakan jalinan kerjasama antara semua peringkat warga kerja Majlis Perbandaran Hulu Selangor yang harus diteruskan. Tuan Yang Dipertua turut berkongsi peranan sebagai Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) berdasarkan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) di dalam mengurus, merancang dan membangunkan Daerah Hulu Selangor. Pada majlis itu juga turut di adakan beberapa acara dan penyampaian penghargaan antaranya: **Lafaz Akujanji Pegawai dan Kakitangan Baharu MPHS, Program Pementoran MPHS, Penyampaian Buku Pelan Strategik MPHS 2024-2028, Penyampaian Sijil Penghargaan bagi Program Inovasi 2023, Penyampaian Sijil Penghargaan Penyelaras MURNINets Sesi 2021-2023 dan Penyampaian Sijil Penghargaan Ikon Hijau Sesi 2021 - 2023.**



MESYUARAT JAWATANKUASA SIATATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN (JKSTP) DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH HULU SELANGOR 2035 (PENGUBAHAN 1)

29 MAC 2024 • BILIK MESYUARAT CHILING, MPHS

Mesyuarat dipengerusikan oleh YB Dato' Ng Suee Lim (Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kampung Baru). Mesyuarat diadakan bagi mendengar bantahan dan cadangan yang telah dikemukakan semasa Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2035 (Pengubahan 1) pada 24 Oktober 2024 sehingga 24 November 2024. Sebanyak 18 borang bantahan telah didengar melibatkan **2 isu iaitu aksesibiliti dan zon gunatanah di dalam Rancangan Tempatan**. Turut hadir di dalam Mesyuarat JKSTP adalah: Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, TPr. Khairulzaman bin Ibrahim, Pengarah PLANMalaysia Selangor, TPr. Khairon Zairee bin Basiron, wakil Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM), TPr. Gs. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Wakil Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Wakil Pentadbir Tanah Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor, Wakil Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor, Draf Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2035 (Pengubahan 1) ini disediakan di bawah Seksyen 16(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]. Syor mesyuarat seterusnya dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor.



Program Pelancaran BAZAR RAMADAN MAMPAN 2024 DAN



29 MAC 2024 • BAZAR RAMADAN JALAN SEROJA. Program ini telah dilangsungkan di Tapak Bazar Ramadan Jalan Seroja 4B, Bukit Sentosa di bawah penganjuran Jabatan Pelesenan, MPHS telah menerapkan kesedaran bagi pengurangan beg plastik di kawasan pentadbiran Hulu Selangor. Program ini dirasmikan oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Turut hadir Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Encik Kamaruzzaman bin Abdul Rahman, Pengarah Jabatan Pelesenan, Encik Fuad bin Ahmad Naravi, Ahli Majlis Kawasan Jalan Seroja, Pihak Agrobank Encik Zahid bin Ahmad Zawawi (Ketua Pegawai Operasi), Encik Safaruddin bin Samsuddin (Pengarah Wilayah)

serta Puan Norfadilah binti Harun (Pengurus Cawangan Agrobank Selayang), Ahli-Ahli Majlis Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan MPHS serta Pengarah Jabatan/Ketua Bahagian MPHS. Tuan Yang Dipertua berbesar hati mengedarkan cenderamata kepada semua peniaga bazar serta pengunjung yang hadir di Tapak Bazar Ramadan itu. Di samping itu turut diedarkan 300 bubur lambuk dan kurma sumbangan oleh Encik Fuad bin Ahmad Naravi, Ahli Majlis Kawasan Jalan Seroja. Program pelancaran turut dimeriahkan dengan penglibatan agensi dan jabatan luar seperti Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor dan Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI) bagi booth PLATS. Sekalung penghargaan buat Dr. Suhaida binti Mohd Sidek, Pegawai Kesihatan Daerah Hulu Selangor yang turut serta bersama-sama meluangkan masa bagi pemberian flyers berkaitan kepentingan kebersihan dalam pengendalian makanan. MPHS juga menyahut seruan hasrat Menteri Besar Selangor untuk melaksanakan program #My Save Food Ramadan. Selaras dengan hasrat beliau, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bersama Jabatan Pelesenan turut melaksanakan Program #taknakbazir yang mana lebihan makanan yang masih elok daripada peniaga dikumpulkan di khemah yang disediakan oleh pihak MPHS serta agihan dilakukan kepada pihak yang lebih memerlukan. Pada tahun ini juga, pihak MPHS berjaya berkolaborasi di bawah satu program Bazar Ramadan Cashless peringkat Hulu Selangor yang dianjurkan oleh Pihak Agrobank melalui Agrobank cawangan Selayang. Sebanyak 80 khemah telah berjaya diserahkan kepada peniaga Bazar Jalan Seroja 4B, Bukit Sentosa, seterusnya pembukaan akaun Agrobank dan penggunaan QR Agrobank sebagai salah satu kaedah bayaran tanpa melibatkan wang tunai. Pihak Agrobank juga turut berbesar hati untuk menyumbang kepada Tabung Endowmen MPHS.



Majlis Tazkirah RAMADAN

29 MAC 2024 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU. Tazkirah yang bertajuk **'Memburu Al-Qadar'** telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Zanzuari bin Husain dalam Majlis Tazkirah Perdana sempena Ramadan Al-Mubarak 1445 Hijrah kali ini dihadiri oleh Pengarah-pengarah Jabatan, Ketua-ketua

Bahagian dan warga kerja MPHS. Majlis ini diadakan sebagai pengisian kerohanian dan memberikan galakan kepada warga kerja MPHS dalam usaha memburu lailatul qadr. Diharapkan warga kerja MPHS dapat mempraktikkan dan mengamalkan ilmu yang telah disampaikan dalam sesi tazkirah tersebut.



'Memburu Al-Qadar'



DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

Program Bubur Lambuk DAN Juadah Iftar Aidilfitri 2024

3 APRIL 2024 • PERKARANGAN MPHS. Anulaa Cawangan MPHS dan Kelab Sukan dan Kebajikan MPHS telah menganjurkan program gotong-royong menyediakan bubur lambuk dan juadah aidilfitri. Program ini dilaksanakan secara gotong-royong oleh kakitangan MPHS dan telah menyediakan **600 bekas bubur lambuk** dan **600 bekas nasi impit** kuah kacang yang akan diedarkan kepada semua kakitangan MPHS. Turut hadir bersama-sama dalam program ini ialah Tuan Awaluddin bin Zakaria selaku Setiausaha MPHS, Encik Mohd Yusuf bin Saidina Abu Bakar selaku Pengerusi Anulaa Cawangan MPHS dan Encik Kamaruzzaman bin Abdul Rahman selaku Yang Dipertua Kelab Sukan dan Kebajikan MPHS. Juadah juga turut diserahkan kepada Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS.



MAJLIS PERASMIAN DAN PROGRAM IFTAR RAMADAN WLAM BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN WORLD LANDSCAPE ARCHITECTURE MONTH 2024

1 & 3 APRIL 2024 • LAMAN FACEBOOK JABATAN LANDSKAP MPHS, TAMAN TASIK MILENIUM, KUALA KUBU BHARU. Majlis telah disempurnakan oleh Tuan Mansor Bin Mohamad, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara pada 1 April 2024 secara langsung menerusi laman Facebook Jabatan Landskap MPHS. Bersempena dengan Sambutan Bulan World Landscape Architecture Month (WLAM) yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Jabatan Landskap telah mengadakan

Program Iftar Terbuka bertempat di Taman Tasik Milenium pada 3 April 2024. Pelbagai juadah iftar disediakan secara percuma kepada komuniti Hulu Selangor yang hadir seperti kurma, kuih-muih dan nasi arab sebagai juadah berbuka puasa. Selain daripada iftar, tazkirah Ramadan juga turut disampaikan oleh penceramah jemputan. Turut hadir Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Ahli-Ahli Majlis dan warga kerja Majlis Perbandaran Hulu Selangor.



WORLD #QuranHour



4 APRIL 2024 • BILIK MESYUARAT LATA MEDANG, MPHS. Program World #Quran Hour di seluruh Malaysia disiarkan melalui platform Astro Oasis, Facebook QuranHour dan Sinar Harian. Di peringkat Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Program World #Quran Hour telah diadakan di Bilik Mesyuarat Lata Medang dan di lokasi jabatan/bahagian kakitangan masing-masing. Siaran langsung ini bermula pada pukul 12:00-1:00 tengah hari dengan Tema **Ummah #Grandreset "Kesatuan & Transformasi Sosial"**, panduan daripada Surah Al-Jumu'ah. Surah Al-Jumu'ah memberi panduan tentang 4 Sifat Allah dan 4 peranan Rasul yang merupakan kunci untuk manusia bertasbih seperti alam. Cabaran bagi umat Islam ialah sifat yahudi yang tidak mahu beramal kerana sombong dan takut akan kematian akan menghalang kepada 'reset' yang perlu berlaku bagi setiap umat Islam pada setiap hari jumaat. Apabila 'reset' ini berjaya dicapai, kita memahami bahawa Allah Maha Pemberi Rezeki dan membina keseimbangan spiritual-fizikal.

KEMPEN KESELAMATAN JALANRAYA MENJELANG AIDILFITRI PERINGKAT DAERAH HULU SELANGOR 2024

4 APRIL 2024 • STESEN MINYAK PETRON PERSIARAN MAJLIS, BUKIT BERUNTUNG. Kempen Keselamatan Jalan Raya merupakan program di bawah Jawatankuasa Majlis Keselamatan Jalan Raya Daerah Hulu Selangor yang dianjurkan oleh Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor. Kempen ini telah dirasmikan oleh Tuan Yuhanas Auree bin Kamaruddin, Pegawai Daerah Hulu Selangor. Majlis Perbandaran Hulu Selangor turut serta dalam kempen tersebut dengan kehadiran oleh Encik Shaiful Rizza bin Hj Piamin, Penolong Setiausaha, TPr. Gs. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Jabatan Perancang Bandar, Ahli-Ahli Majlis dan Pengarah Jabatan/Ketua Bahagian. Pelbagai acara telah berlangsung seperti taklimat keselamatan, pertukaran topi keledar dewasa. Selain itu, Ketua-Ketua Jabatan Agensi Daerah Hulu Selangor turut mengedarkan *goody bags* kepada para pengguna kenderaan di Persiaran Majlis, Bukit Beruntung. Semoga kempen yang diadakan dapat memberi kesedaran kepada pengguna jalan raya. Pengguna jalan raya juga diminta untuk mematuhi undang-undang agar kes kemalangan jalan raya dapat dikurangkan terutama di musim perayaan.



Sentuhan Kasih

MENTERI KEMENTERIAN PERUMAHAN KERAJAAN TEMPATAN (KPPT)


18 APRIL 2024 • TAMAN TASIK MILENIUM, KUALA KUBU BHARU

Bersempena dengan Program Sentuhan Kasih KPPT Malaysia ke Kuala Kubu Bharu, Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah menerima kunjungan Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke Kuala Kubu Bharu pada 18 April 2024. Sesi lawatan telah bermula di Taman Milenium, Kuala Kubu Bharu dimana YB KM telah dibawa bagi meninjau Pusat Kitar Semula Pandu Lalu Automatik (Adtrec) dan kiosk-kiosk peniaga MPHS di kawasan tersebut. Pada masa yang sama YB KM turut menandatangani plug sebagai tanda perasmian Adtrec dan kiosk di situ.

Di dalam lawatan ini juga, YB KM turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM5.21 juta kepada penduduk Hulu Selangor. Peruntukan tersebut meliputi 14 buah projek bernilai **RM4.82 juta** yang akan dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM4.16 juta disalurkan kepada Majlis Perbandaran Hulu Selangor manakala RM664 ribu kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung di Hulu Selangor dan selebihnya untuk projek-projek lain.

Tujuan lawatan kerja ini diadakan bertujuan untuk turun padang meninjau projek BP.1 bagi menambah baik infrastruktur awam di bawah Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan Projek Kampung Baru Cina seperti berikut:

- Projek Membina Baharu 12 Unit Kiosk di Taman Tasik Millenium, Kuala Kubu Bharu;
- Projek Cadangan Membaik Pulih dan Menaiktaraf 10 Unit Gerai Majlis Perbandaran Hulu Selangor di Jalan Abdul Hamid berhadapan Pejabat Pos Kuala Kubu Bharu;
- Projek Program Rumah MADANI Rakyat di Kampung Air Panas; dan;
- Projek membaik Pulih Tapak Badminton dan Memagar Kawasan Taman Permainan di Kampung Asam Kumbang.



MALAM GALA DINNER WLAM

23 APRIL 2024 • AWANA HOTEL RESORT,
GENTING HIGHLAND



Buat julung kalinya Jabatan Landskap, MPHS mengadakan WLAM Gala Dinner 2024 dengan tujuan meraikan semua individu yang banyak memberi sumbangan kepada MPHS khususnya dalam menjaga dan mengindahkan landskap di dalam daerah Hulu Selangor. Busana Kebangsaan menjadi tema untuk WLAM Gala Night bagi meraikan kepelbagaian kaum di Malaysia. Majlis telah dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Mohd Hasry bin Nor Mohd, S.M.S diikuti dengan ucapan sokongan daripada Presiden Institut Landskap Arkitek Malaysia (ILAM) Prof Madya LAR. Dr. Nor Atiah Ismail. Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor Tuan Awaluddin bin Zakaria, A.M.S., Yang Amat Dimuliakan Engku Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor, Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, D.S.I.S., Ahli Majlis, Pengarah-pengarah Jabatan dan Ketua-ketua Bahagian MPHS, wakil-wakil Persatuan Penduduk Daerah Hulu Selangor serta wakil-wakil kontraktor, pemaju dan perunding. Majlis diteruskan pula, dengan penyampaian hadiah bagi pertandingan-pertandingan anjuran Jabatan Landskap yang disampaikan oleh Yang

Dipertua MPHS, kepada para pemenang yang telah terpilih. Dalam majlis itu juga, turut diadakan majlis penyerahan sijil pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR). Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah menerima pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records (MBOR) di bawah kategori "Living World & Nature" sebagai "LARGEST 'RUELLIA SIMPLEX' TREE PLANTING EVENT". Penyerahan sijil pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Landskap MPHS, LAR. Mohd Fadhill bin Mohd Lani kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Mohd Hasry bin Nor Mohd, S.M.S. Akhir sekali, majlis diakhiri dengan pelancaran Logo Rasmi WLAM MPHS oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Mohd Hasry bin Nor Mohd, S.M.S, diiringi oleh Presiden Institut Landskap Arkitek Malaysia (ILAM) Prof Madya LAR. Dr. Nor Atiah Ismail dan Pengarah Jabatan Landskap MPHS, LAR. Mohd Fadhill bin Mohd Lani. Logo WLAM MPHS rasmi ini akan digunakan untuk Hari Senibina Landskap Sedunia pada tahun-tahun akan datang.



Jom Baca Bersama 'Baca dan Bahagia'

23 APRIL 2024 • RUANG KERJA MPHS

Program Jom Baca Bersama 10 Minit bagi tahun ini mengambil tema "Baca dan Bahagia" "Pembacaan Melestarikan Perpaduan". Program Jom Baca Bersama 10 minit yang diadakan serentak di seluruh negara pada pukul 11:00 pagi sehingga 11:10 pagi telah dilaksanakan di Ibu Pejabat dan semua pejabat cawangan Majlis Perbandaran Hulu Selangor sebagai komitmen kepada kepentingan membaca dalam kehidupan serta amalan membaca setiap hari secara konsisten. Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor turut meluangkan masa bersama-sama warga kerja Majlis Perbandaran Hulu Selangor dalam program ini.



Rumiah Terbuka Aidilfitri

'Riuh Raya #KitaSelangor'



27 APRIL 2024 • BANDAR KUALA KUBU BHARU. Dianggarkan hampir 30 ribu rakyat Negeri Selangor yang terdiri daripada pelbagai kaum telah memeriahkan majlis ini. Majlis bermula pukul 8 malam dihadiri Menteri Besar Selangor, Dato Seri Amirudin Shari, Barisan Exco dan seluruh pimpinan Negeri dan Daerah. Pelbagai juadah istimewa telah disajikan melalui 48 gerai minuman dan makanan yang disediakan oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi kerajaan serta swasta di Negeri Selangor. Antara juadah disediakan ialah sate minang, ayam gunting, kambing golek, punten dan banyak lagi juadah raya. Pengunjung yang hadir turut diserikan dengan persembahan penyanyi terkenal tanah air seperti Naim Daniel, Sarah Suhairi, Aiman Tino, Erni Zakri dan ratu rock negara Ella. Reruai hebahan Iltizam Selangor Penyayang juga dibuka kepada pengunjung bagi memudahkan mereka memohon secara terus inisiatif berkenaan. Majlis telah diakhiri dengan pertunjukan bunga api.



LAPORAN MESYUARAT KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPHS

30 APRIL 2024 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU. Mesyuarat Agung Kelab Sukan Dan Kebajikan Majlis Perbandaran Hulu Selangor kali yang ke-38 telah diadakan dengan kehadiran seramai 360 orang yang terdiri daripada Ahli Majlis dan kakitangan MPHS merangkap ahli Kelab Sukan Dan Kebajikan (KSDK). Pendaftaran ahli kelab dilakukan secara atas talian bertujuan bertujuan untuk menyemak kehadiran ahli bagi menyediakan laporan minit mesyuarat agung pada tahun hadapan untuk dihantar ke Pejabat Pendaftaran Pertubuhan (ROS). Seterusnya bacaan doa dilaksanakan oleh Encik Ahmad Izzuddin bin Nawawi bagi pembukaan mesyuarat. Program diserikan dengan ucapan alu-aluan oleh YBrs. Encik Kamruzzaman bin Abdul Rahman, Yang Dipertua KSDK. Beliau memaklumkan keprihatinan pengurusan tertinggi MPHS yang diterajui oleh Tuan Yang Dipertua membolehkan KSDK terus bergerak

dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti dan sumbangan kepada semua ahli. Geran tahunan KSDK yang sebelum ini diperuntukkan sebanyak RM150,000 telah dinaikkan kepada **RM200,000** di dalam Belanjawan Tahunan MPHS. Beliau yang mewakili Jawatankuasa dan semua ahli KSDK, mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua dan pengurusan tertinggi MPHS di atas penyaluran geran tersebut setiap tahun. Seterusnya, ucapan perasmian oleh Tuan Awaluddin bin Zakaria, A.M.S., Setiausaha MPHS. Beliau mengharapkan tahun 2024 KSDK MPHS akan terus menjalankan pelbagai aktiviti yang lebih memberikan impak positif serta memberikan kebaikan kepada semua pihak termasuk kepada pelanggan MPHS. Beliau juga mengharapkan agar setiap ahli KSDK MPHS dapat memainkan peranan masing-masing sebagai warga kerja MPHS yang komited, saling bertoleransi serta hormat-menghormati disamping dapat bekerja sebagai satu pasukan.



PROGRAM JELAJAH KOMUNITI STRATA 1.0 MPHS 2024

1 MEI 2024 • APARTMENT SERI TANJUNG, BUKIT BERUNTING.
Program ini telah dianjurkan secara bersama oleh pihak Majlis Perbandaran Hulu Selangor melalui Bahagian Pesuruhjaya Binaan (COB) dan Badan Pengurusan Bersama (JMB) Apartment Seri Tanjung, Bukit Beruntung. Program dilaksanakan dengan objektif penerapan SDG (Sustainable Development Goals) selaras dengan Pelan Strategik MPHS 2024 - 2028 seperti berikut:



- i. SDG4 : Pendidikan Berkualiti
- ii. SDG 11 : Bandar dan Komuniti Mampan
- iii. SDG16 : Keamanan, Keadilan dan Institusi Kukuh

Program telah dimulakan dengan sesi Taklimat dan Latihan Kecemasan dan Kebakaran kendalian Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) daripada Balai Bomba Bukit Sentosa. Seterusnya, program diserikan dengan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Apartment Seri Tanjung, Bukit Beruntung. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua merangkap Pesuruhjaya Binaan MPHS, Tuan Awaluddin bin Zakaria selaku Timbalan Yang Dipertua merangkap Timbalan Pesuruhjaya Binaan I, Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan Encik Zulkifli bin Zakaria selaku Pengerusi JMB Apartment Seri Tanjung, Bukit Beruntung bersama Anggota Jawatankuasanya. Program ini juga melibatkan pameran-pameran jabatan dalam MPHS antaranya Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JPSPPA) dengan pameran Program Minyak Masak Terpakai, Garis Panduan Tandas BMW (Bersih, Menawan & Wangi) BSS (Bebas Semak Samun), Bahagian Korporat dengan pameran Aplikasi MPHS GO, manakala Jabatan Perbendaharaan dengan pameran Endowmen MPHS dan Bil Maya. Program ini telah dihadiri oleh seramai 500 orang tetamu daripada kalangan penduduk apartment dan jemputan-jemputan daripada pihak JMB apartment yang berahmpiran. Pihak Majlis berharap agar penganjuran program-program seperti ini dapat merapatkan lagi hubungan antara pihak Majlis dan komuniti strata khususnya dan dengan seluruh penduduk dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Hulu Selangor amnya. Program Jelajah Komuniti Strata ini akan dilaksanakan lagi di masa akan datang bagi menyampaikan maklumat-maklumat berkaitan Majlis Perbandaran Hulu Selangor ke arah peningkatan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.



PROGRAM INTEGRITI MPHS CERAMAH JENAYAH SIBER "SCAMMER"



2 MEI 2024 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU. Unit Integriti, Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah menganjurkan ceramah integriti yang bertajuk Jenayah Siber "Scammer" yang telah disampaikan oleh ASP Tuan Rahmat Fitri bin Abdullah dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman selaku Duta Anti Scam. Program ini diadakan adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran dan memastikan warga kerja Majlis Perbandaran Hulu Selangor terhindar daripada terlibat dengan salah laku atau menjadi mangsa jenayah siber. Seramai 130 warga kerja Majlis Perbandaran Hulu Selangor yang hadir bagi mengikuti ceramah ini. Turut hadir Tuan Awaluddin bin Zakaria selaku Timbalan Yang Dipertua. Pada masa yang sama, semua warga kerja digesa untuk memberikan perhatian yang sewajarnya tentang isu-isu penipuan kewangan dan tips pencegahan pelbagai jenis scam. Langkah tersebut termasuklah melengkapkan diri dengan ilmu keselamatan siber dan sentiasa berwaspada sewaktu menggunakan teknologi dan internet. Semoga ceramah ini dapat memberikan manfaat kepada seluruh warga kerja MPHS agar sentiasa peka dan bebas dari menjadi mangsa penjenayah siber.





MAJLIS PECAH TANAH RUMAH *selangorku*

3 MEI 2024 • LAGENDA ARDEA, BERNAM JAYA



Majlis pecah tanah bagi Projek Perumahan Mampu Milik (Selangorku) di Lagenda Ardea, Bernam Jaya telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang juga Pengerusi Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB), Puan Rahana binti Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB), Laksamana (B) Tan Sri Dr. Ahmad Kamarulzaman bin Ahmad Badaruddin, Pengerusi Lagenda Properties Berhad serta Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Cadangan pembangunan melibatkan rumah teres satu tingkat dengan keluasan tanah minimum bagi setiap unit adalah 20 kaki x 65 kaki. Projek pembangunan **2,340** unit rumah teres meliputi kawasan seluas lebih **77** hektar di Bernam Jaya ini merupakan kerjasama antara Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB) dengan syarikat pemaju Lagenda Properties Berhad demi memenuhi keperluan rakyat untuk memiliki rumah mampu milik



MAJLIS PERASMIAN PENJENAMAAN SEMULA PERPUSTAKAAN SYED MASHOR, KUALA KUBU BHARU

3 MEI 2024 • KUALA KUBU BHARU, HULU SELANGOR. Majlis Perasmian Penjenamaan Semula Perpustakaan Syed Mashor, Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut hadir Datin Paduka Mastura binti Muhammad, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS). Negeri Selangor



menjadi pelopor dalam penyediaan perkhidmatan transit percuma di perpustakaan awam menerusi inisiatif Perpustakaan Mesra Transit yang dilancarkan hari ini. Usaha ini merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Selangor yang mahu perpustakaan awam dijadikan sebagai rumah kedua untuk kanak-kanak bagi golongan ibu bapa bekerja. Perpustakaan Syed Mashor yang dinamakan bersempena dengan nama pahlawan melayu ulung dalam perang Kelang, dinaik taraf dengan kos RM3.25 juta dan mula beroperasi pada Oktober 2022. Projek perintis Perpustakaan Mesra Transit telah dilaksanakan di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) Bukit Bangkong, Sepang pada tahun lalu dan menerima sambutan menggalakkan daripada masyarakat. Sehubungan itu, kemudahan itu akan diteruskan di 12 perpustakaan terpilih seluruh negeri membabitkan lima perpustakaan daerah dan tujuh perpustakaan cawangan.





Majlis Pelancaran PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM DRAF RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SELANGOR 2035 (PENGUBAHAN)

9 MEI 2024 • PUSAT KONVENSYEN MBSA

Majlis Pelancaran Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draft Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 (Pengubahan) telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato Menteri Besar Selangor. Turut hadir ke majlis tersebut, Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan TPr. Gs. Azlina binti Moktar, Pengarah Jabatan Perancang Bandar Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Sebagai tanda simbolik majlis perasmian tersebut, penyerahan *mock-up* Draft Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 (Pengubahan) telah diberikan oleh Dato' Menteri Besar kepada semua Datuk Bandar dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan. Program Publisiti dan Penyertaan Awam dilaksanakan bermula 9 Mei 2024 sehingga 8 Jun 2024. Orang Awam boleh membuat semakan terhadap Draft Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 (Pengubahan) di lokasi-lokasi berikut:




- i. Foyer Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah (SUK Selangor), Shah Alam
- ii. PLANMalaysia Selangor, Lobi Bangunan Darul Ehsan
- iii. Foyer Bangunan F5, PLANMalaysia Ibu Pejabat, Putrajaya
- iv. Semua pejabat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor
- v. Semua Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Negeri Selangor



M.E.S.R.A. ECRL KARNIVAL KERJAYA ECRL

4 MEI 2024
AUDITORIUM DEWAN DATO' ABD HAMID, BATANG KALI



3 - 4 MEI 2024
AUDITORIUM DEWAN DATO' ABD HAMID
BATANG KALI, SELANGOR
9.00 PAGI - 5.00 PETANG



Majlis Perasmian Menyantuni Ekonomi, Sosial, Rakyat dan Alam Sekitar (MESRA) ECRL Karnival Kerjaya ECRL disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia. Turut hadir Seri Darwis bin Abdul Razak, Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link (MRL), Tuan Azrin bin Borhan, Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Selangor, Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan TPr. Gs. Azlina binti Moktar, Pengarah Jabatan Perancang Bandar Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Program M.E.S.R.A. ECRL yang bertemakan Hari Kerjaya mengadakan sesi temuduga terbuka Program Latihan Kemahiran Industri ECRL atau PLKI-ECRL yang menawarkan latihan serta jawatan seperti juruelektrik, juruteknik tapak binaan, pembantu jurutera bangunan dan mekanik jentera berat. Pelatih PLKI-ECRL yang berjaya menamatkan latihan kelak akan terus ditawarkan peluang pekerjaan di bawah Projek ECRL. Usaha ini adalah untuk memastikan bilangan tenaga pekerja tempatan yang mencukupi untuk Projek ECRL pada masa terdekat dan akan meningkatkan tahap kebolehpasaran mereka dalam sektor pembinaan dan industri rel di masa hadapan. Inisiatif -ECRL itu dijangka akan melatih seramai **1,800 pelatih** tempatan untuk turut serta dalam fasa pembinaan Projek ECRL serta **3,200 pelatih** tempatan bagi fasa pengoperasian dan penyelenggaraannya kelak.



PROGRAM MESRA KOMUNITI

ZON KUALA KUBU BHARU 2024

9 MEI 2024 • DEWAN SERBAGUNA, KAMPUNG ASSAM KUMBANG, KUALA KUBU BHARU.



Penganjuran program ini bertepatan dengan objektif Dasar Komuniti Negara iaitu mendaya upaya anggota komuniti supaya mempunyai rasa kepercayaan, prihatin terhadap harta benda, ruang dan fasiliti yang dikongsi bersama serta rasa bertanggungjawab terhadap komuniti dan kawasan tempat tinggal. Pada masa yang sama, ianya juga dapat membentuk komuniti yang peka terhadap isu-isu komuniti dan kawasan tempat tinggal serta bebas dari sebarang jenayah. Banyak aktiviti yang disediakan dalam menarik minat orang ramai untuk hadir antaranya pameran pemeriksaan kesihatan warga emas, pertandingan menyediakan menu sihat, taklimat Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), taklimat serta demonstrasi BOMBA dan Penyelamat Malaysia, jualan kitar semula minyak masak dan aktiviti semaian dan bawa pulang anak pokok *Ruellia Simplex* (kencana ungu) kepada semua pengunjung yang hadir. Turut hadir Timbalan Yang Dipertua MPHS, Awaluddin bin Zakaria, Ahli Majlis Zon Kuala Kubu Bharu, Puan Saripah binti Bakar serta pengarah-pengarah MPHS.

MPHS MENJADI TUAN RUMAH MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (MMKN) DAN MESYUARAT POST EXCO

10 MEI 2024 • BILIK MESYUARAT CHILING, MPHS



Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 13/2024 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Mesyuarat itu turut dihadiri oleh Yang Berhormat Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN). Mesyuarat ini merupakan MMKN pertama yang diadakan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor. Pada sebelah petang pula telah diadakan Mesyuarat Post EXCO Bilangan 13/2024 yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Yang Berhormat Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Mesyuarat yang diadakan secara *hybrid* itu turut dihadiri oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Tuan Yuhanas Auree bin Kamaruddin, Pegawai Daerah Hulu Selangor dan Ketua-ketua Jabatan Peringkat Negeri.



SESI LIBAT URUS PENGURUSAN ADUAN AWAM BERSAMA MPHS

13 MEI 2024 • MENARA PPNS, SEKSYEN 11, SHAH ALAM

Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah diundang ke Sesi Libat Urus Biro Pengaduan Awam (BPA) bertempat di Pejabat Biro Pengaduan Awam Negeri Selangor. Sesi libat urus ini dipengerusikan oleh Puan Norsuhana binti Azman, Pengarah Biro Pengaduan Awam Negeri Selangor. Turut menyertai sesi libat urus ini ialah Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Puan Junainah binti Abdullah, Ketua Bahagian Korporat serta Pengarah dan wakil jabatan Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Sesi Libat Urus ini bertujuan membincangkan isu-isu aduan kompleks di Daerah Hulu Selangor yang mendapat perhatian di Biro Pengaduan Awam. Dalam pada itu, menerusi sesi ini juga kedua pihak dapat bertukar-tukar pendapat/pandangan serta menambahkan baik pengurusan aduan di Majlis Perbandaran Hulu Selangor.



LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI KPKT KE PROJEK PERUMAHAN SWASTA DAERAH HULU SELANGOR



14 MEI 2024 • TAMAN RASA UTAMA DAN D'JEWEL GARDENS. Yang Berhormat Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Malaysia telah meluangkan masa bagi meninjau Projek Perumahan Swasta Daerah Hulu Selangor. Lawatan ini disertai oleh Puan Norsazila binti Nordin, Timbalan Ketua Pengarah (Perumahan Swasta) serta pegawai-pegawai dari Jabatan Perumahan Negara (JPN). Delegasi telah disambut oleh Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Turut menyambut delegasi ialah TPr. Gs. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Jabatan Perancang Bandar Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Encik Mohd Razaini bin Ishak, Ketua Bahagian Pusat Setempat (OSC) Majlis Perbandaran Hulu Selangor, pegawai teknikal Jabatan Pembangunan Majlis Perbandaran Hulu Selangor, pihak pemaju serta pihak perunding berkenaan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Malaysia telah diberikan taklimat oleh pihak pemaju berkenaan status semasa projek tersebut yang mana terdapat beberapa isu yang masih dalam penyelesaian dan YB Timbalan Menteri KPKT mengarahkan supaya pihak pemaju dan perunding menyelesaikan isu tersebut dengan segera. Di akhir lawatan pihak pemaju telah membawa delegasi melawat tapak projek serta rumah yang telah siap dibina iaitu di Taman Rasa Utama yang dimajukan oleh pemaju Sin Heap Lee Sdn. Bhd. dan D'jewel Gardens yang dimajukan oleh pemaju Anekakiara Realty Sdn. Bhd.

SESI LIBAT URUS JAWATANKUASA PENGURUSAN TAMAN PERUSAHAAN (IPMC) MPHS 2024

16 MEI 2024 • DEWAN MERDEKA,
KUALA KUBU BHARU

Sesi libat urus telah dimulakan dengan ucapan pembukaan oleh Dato' Kevin Lai Tak Kuan, Pengerusi Bersama IPMC MPHS dan disempurnakan oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Selain daripada sektor industri dan pelabur, sesi libat urus kali ini juga melibatkan para pemaju hartanah dan para perunding untuk bersama-sama berkongsi pendapat dan pandangan. Beberapa taklimat telah diberikan kepada Ahli Jawatankuasa seperti: Pengenalan 'Ease of Doing Business in Hulu Selangor' dan Dasar Penyediaan Peningkatan Pekerja Asing Jangka Masa Pendek Kawasan Pentadbiran MPHS dibentangkan oleh TPr. Gs. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Jabatan

Perancang Bandar Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Cadangan Pembangunan Peningkatan Pekerja Berpusat dibentangkan oleh Cik Shahron Lim, Pengurus Pembangunan Projek, ISP Westlite (Serendah) Sdn. Bhd. Melonjakkan Produktiviti Melalui Akademi Dalam Industri (ADi) dibentangkan oleh Puan Nor Idayuniza Rahmat, Timbalan Pengarah, Seksyen Peningkatan Bakat, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Selain itu, Ahli Jawatankuasa juga diberi peluang untuk pertanyaan, dan aduan di kaunter-kaunter yang telah disediakan iaitu JKR Hulu Selangor, Telekom Malaysia (TM), KDEB Waste Management Sdn. Bhd., ISP Westlite (Serendah) Sdn. Bhd., Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Jabatan-Jabatan Majlis Perbandaran Hulu Selangor.



Sambutan HARI BELIA NEGARA 2024

PERINGKAT NEGERI SELANGOR

19 MEI 2024 • INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA (IKBN) PERETAK, KUALA KUBU BHARU. Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Negeri Selangor 2024 telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut hadir ke majlis tersebut Yang Berhormat Tuan Lau Weng San, Speaker Dewan Negeri Selangor, Yang Berhormat Tuan Mohd Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan & Keusahawanan Negeri Selangor, Yang Berhormat Puan Pang Sock Tao, ADUN Kuala Kubu Bharu, Dato' Mohd Imran bin Tamrin, Presiden Majlis Belia Negeri Selangor, Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor serta Yang Amat Dihormati Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor. Hari Belia Negara 2024 Peringkat Kebangsaan pada tahun ini berlangsung pada 24-26 Mei 2024 dengan mengangkat tema **"Yakin Boleh"**. Buat masa ini di Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Majlis Belia Malaysia (MBM) telah bersepakat mendefinisikan umur belia adalah 15 hingga 40 tahun selepas Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Akta 688) diperkenalkan. Namun begitu, had umur 30 tahun bagi belia di Malaysia akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026. Penurunan had umur berkenaan sejajar dengan Dasar Belia Malaysia dan takrifan umur belia di negara lain yang meletakkan had umur belia di bawah 30 tahun. Sebagai contoh Indonesia 16-30 tahun, Filipina 15-30 tahun, Thailand 15-24 tahun, Korea 9-24 tahun, Australia 12-24 tahun.



SESI KUNJUNG HORMAT SELANGOR FC KE MPHS



20 MEI 2024
PEJABAT TUAN YANG DIPERTUA MPHS



Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah menerima kunjung hormat dari Dr. Johan Kamal Hamidon, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kelab Bola Sepak Selangor (Selangor FC). Kunjung hormat ini

sebagai penghargaan daripada pihak Selangor FC kepada pihak Majlis Perbandaran Hulu Selangor yang telah sama-sama menyumbang untuk pembangunan sukan bola sepak di negeri ini khususnya kepada pasukan Selangor FC. Selain itu, kunjung hormat ini merupakan siri jelajah Pengurusan Selangor FC ke semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah/Tanah di Negeri Selangor. Selain itu, Majlis Perbandaran Hulu Selangor juga menzahirkan solidariti kepada Encik Faisal Halim dan mendoakan agar beliau segera diberi kesembuhan serta dapat terus beraksi bersama pasukan Selangor FC dan Harimau Malaya selepas pulih dari kecederaan yang dialami.



KUNJUNG HORMAT YANG BERTHORMAT PUAN PANG SOCK TAO KE MPHS

24 MEI 2024 • PEJABAT TUAN YANG DIPERTUA MPHS. Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah menerima kunjung hormat daripada Yang Berhormat Puan Pang Sock Tao dan delegasi. Turut hadir Puan Law Suet Peng selaku Ketua Whip dan Puan Saripah binti Bakar, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Hulu Selangor kawasan Kuala Kubu Bharu. Yang Berhormat Puan Pang Sock Tao merupakan Ahli Dewan Negeri Selangor yang telah memenangi kerusi DUN Kuala Kubu Bharu pada Pilihanraya Kecil pada 11 Mei yang lalu. Dalam sesi tersebut, sesi perbincangan mengenai pembangunan bagi DUN Kuala Kubu Bharu telah diadakan. Majlis Perbandaran Hulu Selangor mengucapkan selamat berkhidmat buat Yang Berhormat Puan Pang Sock Tao dan semoga kerjasama yang baik dapat diteruskan pada masa akan datang.



TAKLIMAT KESEDARAN INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS) 2024

24 MEI 2024 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU. Bahagian Teknologi Maklumat telah mengadakan Taklimat Kesedaran *Information Security Management System (ISMS)* yang telah disampaikan oleh Encik Mohd Hafizuddin bin Zaihan, Perunding Laman Teknologi. Tujuan taklimat ini diadakan bagi menyampaikan kaedah pengurusan dan melindungi keselamatan maklumat dengan pematuhan kepada piawaian MS ISO/IEC 27001 bagi memberi jaminan kepada pihak berkepentingan dan pelanggan bahawa maklumat yang berkaitan adalah dilindungi dan selamat dari kerosakan dan disalah guna. Taklimat ini turut diadakan untuk memenuhi keperluan pengauditan MS ISO/IEC 27001:2013 *Information Security Management System (ISMS)*.



DAULAT TUANKU HARI LANDSKAP NEGARA

2024

Sambutan Hari Landskap Negara 2024 (HLN2024) dengan tema **"INDUSTRI LANDSKAP PEMACU PEMBANGUNAN MADANI"** dirasmikan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim. Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor turut hadir ke majlis perasmian tersebut. Jabatan Landskap Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah menyertai Pertandingan Landskap Laman PBT Hari Landskap Negara 2024 yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Selangor. Lar. Mohd Fadhill bin Mohd Lani telah membentangkan konsep **"Magika Hutan Belantara"** yang menekankan reka bentuk landskap seperti di dalam kawasan hutan belantara ditambah dengan unsur-unsur misteri daripada kisah alam bunian bagi menaikkan kesan mistik pada waktu malam. Lima orang panel penilai pertandingan yang terdiri daripada pakar yang berpengalaman dalam bidang landskap melawat setiap laman PBT bagi menilai setiap persembahan landskap yang ditampilkan.



WINGS OF KKB SELANGOR BIRD FAIR THE NOCTURNAL

25-26 MEI 2024 • KUALA KUBU BHARU KE BUKIT FRASER

Majlis Perbandaran Hulu Selangor buat kali ke-12 telah menganjurkan Program *Wings of KKB 2024: Selangor Birds Fair* dengan tema *The Nocturnal* bagi memperkenalkan burung-burung malam kepada umum. Penganjuran tahun ini mengekalkan laluan sama iaitu dari Kuala Kubu Bharu ke Bukit Fraser melalui Taman Warisan Diraja Selangor. Bagi edisi ke-12 ini, penganjuran masih mengekalkan acara utama iaitu pertandingan "*Birds Watching*", pertandingan "*Birds Photography*" dan pertandingan "*Birds Painting*". Aktiviti "*Birds Watching*" format masih dikekalkan dengan kategori sekolah berlangsung pada 26 Mei 2024 di Kuala Kubu Bharu sahaja manakala bagi pertandingan "*Birds Watching*" Kategori Terbuka dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) berlangsung 24 jam bermula pada 25 Mei 2024 di Kuala Kubu Bharu dan berakhir pada 26 Mei 2024 juga di Kuala Kubu Bharu. Penganjuran kali ini berjaya menarik penyertaan seramai **439** orang menyertai tiga acara utama (*Birds Race*, *Birds Photography* dan *Birds Painting*) dan dua acara sampingan (*Explorace* dan *Mewarna*) yang disediakan oleh penganjur. Bagi penyertaan dari luar negara, pihak penganjur telah menerima penyertaan pasukan dari Taiwan. Upacara perasmian penutupan dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Dalam ucapan tersebut, beliau menyeru orang ramai untuk terus menjaga ekosistem dan biodiversiti Daerah Hulu Selangor terutamanya kawasan Bandar Kuala Kubu Bharu yang telah diangkat sebagai Wilayah *Central Forest Spine (CFS)*. Beliau juga berharap pertandingan memerhati burung ini boleh dikembangkan ke daerah-daerah lain di Negeri Selangor.



OPERASI PEROBOHAN STRUKTUR HARAM

29-30 MEI 2024 • PANGSAPURI SERI ANGGERIK 3,
BUKIT SENTOSA

Operasi telah dilaksanakan ke atas 2 petak di lokasi tersebut. Kegagalan 2 pemilik petak untuk mematuhi Award yang telah dikeluarkan oleh Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya pada 8 Jun 2023 yang lalu. Berdasarkan keputusan Award tersebut, pemilik petak dikehendaki atas kos dan perbelanjaan sendiri, mengambil semua langkah yang diperlukan supaya pembinaan, peralatan dan/atau kepunyaan peribadi pemilik di atas harta bersama yang terlibat dirobohkan atau dikeluarkan dan harta bersama yang terlibat dipulihkan kepada asal dalam tempoh 14 hari dari tarikh penyerahan Award ini. Walaubagaimanapun, kedua-dua pemilik



tersebut tidak mematuhi Award tersebut dan ketidakpatuhan ini adalah Penalti Jenayah Kerana Kegagalan Untuk Mematuhi Award di bawah Seksyen 123, Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Pemfailan Ingkar Award telah difailkan di TPPS dan MPHS untuk tindakan penguatkuasaan seterusnya. Susulan keingkaran Award tersebut Jabatan Bangunan, MPHS telah mengeluarkan notis dibawah Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 (Akta 133) seksyen 72 sebanyak 3 kali dan notis terakhir telah tamat pada 28 Mei. Oleh itu, operasi perobohan struktur haram dilaksanakan secara bersepadu seperti berikut : Ahli Majlis kawasan - 2 orang, Jabatan Bangunan - 5 orang, Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) - 4 orang, Jabatan Penguatkuasaan -5 orang, Jabatan Kejuruteraan -3



orang, Bahagian korporat - 1 orang, JMB Pangsapuri Sri Anggerik 3, Bukit Sentosa - 2 orang, KPKT (Bahagian Pengurusan Strata)- 11 orang dan Balai Polis Sentosa - 2 orang. MPHS ingin mengingatkan pemilik/pembeli petak strata (pangsapuri/kondominium/rumah bandar/rumah kedai/kedai pejabat) untuk tidak membuat sebarang pengubahsuaian / penambahan tanpa kebenaran yang melanggar undang-undang.

SESI LIBAT URUS PROGRAM PEMURNIAN PELANCONGAN SELANGOR (P3S)

30 MEI 2024 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU. Program ini dipengerusikan oleh Timbalan Yang Dipertua MPHS, Yang Berusaha Tuan Awaluddin bin Zakaria bersama semua agensi teknikal dalaman dan luaran yang terlibat dalam proses memberi kelulusan pembangunan. Tujuan utama program ini adalah bagi mendapatkan pandangan daripada 61 Pengusaha Inap Dusun di Daerah Hulu Selangor berkaitan isu-isu dan permasalahan yang timbul dalam usaha memenuhi syarat-syarat minimum yang telah ditetapkan bagi mendapatkan kelulusan MPHS. Selain itu, para pengusaha turut diberi taklimat berkaitan Malaria & Leptospirosis di Daerah Hulu Selangor serta Langkah Pencegahan kawalan Penyakit Malaria oleh Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor.



ISTIADAT PENGURNAIAN PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

13 JUN 2024 • SHAH ALAM



Istiadat Pengurniaan Pingat bersempena ulang tahun ke-78 Hari Keputeraan Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah bagi tahun 2023 di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz. Bagi peringkat MPHS seramai **1 orang Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T)**, **3 orang Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)**, **2 orang Pingat Perkhidmatan Selangor (P.P.S)** bagi menghargai jasa mereka yang telah berkhidmat sebagai kakitangan kerajaan Selangor. Turut hadir sama pada sesi pengurniaan pingat tersebut Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, S.M.S. (Yang Dipertua MPHS).



SESI LIBAT URUS BERSAMA PENDUDUK JALAN TITIWANGSA

14 JUN 2024 • DEWAN MPHS, KALUMPANG



Satu sesi libat urus telah diadakan oleh pihak Jabatan Bangunan, MPHS bersama penduduk Jalan Titiwangsa, Kalumpang telah dihadiri oleh penduduk dan wakil daripada jabatan dalaman MPHS iaitu Jabatan Landskap, Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Kejuruteraan dan Bahagian



Perundangan. Tujuan sesi libat urus ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi penerangan dan penjelasan kepada penduduk yang terlibat dengan penerimaan **notis roboh struktur/garaj haram yang dibina di kawasan zon penampungan**. Di akhir sesi tersebut diadakan sesi soal jawab antara pihak penduduk dan pihak Majlis. Sesi libat urus tersebut berjalan dengan lancar tanpa sebarang permasalahan. Diharapkan dengan adanya sesi libat urus seperti ini dapat memberi penjelasan dan gambaran kepada penduduk di kawasan Hulu Selangor tentang sesuatu tindakan dan kepentingan mematuhi undang-undang serta peraturan yang telah dikuatkuasakan oleh pihak Majlis.



APC 2023

19 JUN 2024 • TEMPLER'S BALLROOM, SETIA ECO TEMPLER RAWANG. Majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Selangor. YBhg Dato' Mohd Yazid bin Sairi juga turut menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2023 kepada **tiga puluh lima (35)** warga MPHS yang menunjukkan prestasi dan khidmat bakti yang cemerlang sepanjang tahun 2023 termasuk satu (1) orang penerima Anugerah Perkhidmatan Setia 25 tahun dan tiga (3) Anugerah Jasamu Dikenang. Yang Dipertua MPHS, Mohd Hasry bin Nor Mohd mengucapkan tahniah kepada semua penerima-penerima APC pada tahun ini dan berharap ianya dapat menjadi pendorong kepada seluruh warga kerja MPHS dalam menghasilkan perkhidmatan dan meningkatkan mutu perkhidmatan ke arah yang lebih berkualiti, cemerlang serta berimpak tinggi pada tahun-tahun yang akan datang. Hadir sama Yang Amat Dihormati Engku Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor, Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Timbalan Yang Dipertua MPHS, Tuan Awaluddin Zakaria, Ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan serta kakitangan MPHS dengan bertemakan Batik Malaysia.



HARI INOVASI

19 JUN 2024 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU.

Sambutan Hari Inovasi Peringkat Majlis Perbandaran Hulu Selangor 2024 telah menyaksikan sebanyak 24 penyertaan dari pelbagai Jabatan MPHS telah dipertandingkan pada tahun ini. Sesi penilaian dijalankan oleh tiga orang panel penilai iaitu, Puan Nurmala binti Saaman, Encik Tc. Norhisham bin Mamat@Zakaria daripada SUK Selangor dan Puan Dayang Noor Asmara Abang Othman daripada Kolej Komuniti Hulu Selangor. Hadiah pemenang daripada tempat pertama hingga Kesepuluh menerima Wang Tunai serta sijil penyertaan manakala tempat kesebelas dan seterusnya akan menerima sijil penyertaan. Tahniah diucapkan kepada semua peserta yang bertanding pada tahun ini. MPHS sentiasa menggalakkan warga kerja untuk bergiat aktif dalam penciptaan inovasi sebagai satu solusi dan penambahbaikkkan dalam proses kerja seterusnya meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan.



PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT

➤ YAD DATO' RAJA MUZAFFAR BIN RAJA REDZWA

8 FEBRUARI 2024 • TOL BUKIT BERUNTING.

Program kempen keselamatan jalan raya sempena sambutan tahun baru cina.



17 FEBRUARI 2024 • MASJID AS-SALAM, BUKIT SENTOSA.
Karnival Jom Ke Masjid.



PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT

➤ LAW SUET PENG, AHLI MAJLIS ZON 6



5 FEBRUARI 2024 • TAMAN LEMBAH DAMAI, KERLING. Program Agihan Buah Limau Bersempena Dengan Sambutan Tahun Baru China Kepada Warga MPHS, Warga Penduduk Kerling dan Warga Pejabat Tanah dan Galian Hulu Selangor.

4 FEBRUARI 2024 • KAMPUNG AIR PANAS, KERLING. Program Sumbangan Kuih dan Makanan Sempena Sambutan Tahun Baru China.



5 FEBRUARI 2024 • MPHS DAN PTDHS. Program Sumbangan Kuih Raya Sempena Aidil Fitri.



2 APRIL 2024 • TAMAN LEMBAH DAMAI, KERLING. Program Sumbangan Juadah Berbuka Puasa Kepada Penduduk Taman Lembah Damai dan Kampung Jawa, Kerling.



8 APRIL 2024 • TAMAN LEMBAH DAMAI, KERLING. Program Sumbangan Ayam Segar Kepada Penduduk Sekitar Kerling.



19 APRIL 2024 • SUNGAI JANG, KERLING. Program Sumbangan Bakul Makanan Kepada Penduduk Kampung Orang Asli, Kuala Kerling.

PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT

➤ PUAN SARIPAH BIN BAKAR, AHLI MAJLIS ZON 8



4 FEBRUARI 2024 • ?????????? Edaran Kasih Tahun Baru Cina 2024.



27 FEBRUARI 2024 • PERPUSTAKAAN SYED MASHOR, KUALA KUBU BHARU. Program Sembang Santai Pdrm Bersama Komuniti.



9 MAC 2024 • ?????????? Edaran Bunga Dan Coklat Sempena Hari Wanita Sedunia 2024.



9 APRIL 2024 • KUALA KUBU BHARU
Edaran Kasih Aidilfitri - Edaran Lemang, Rendang, Ketupat Segera, Gula Dan Sayuran.



PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT

➤ **ENCIK AYLWIN CHAN WAI TUCK, AHLI MAJLIS ZON 16**



21 JANUARI 2024 • SERENDAH. Penyampaian Bakul Makanan Perayaan Tahun Baru Cina 2024.



9 FEBRUARI 2024 • SERENDAH. Sambutan Tahun Baru Cina.



9 FEBRUARI 2024 • BALAIRAYA KAMPUNG PERUMAHAN BATU 30, SERENDAH. Sambutan Hari Ibu Masyarakat Cina Dan India.



5 MEI 2024 • KAMPUNG DATO HARUN, SERENDAH. Sambutan Perayaan Duanwu 2024.



16 MEI 2024 • TAMAN CEMPAKA, SERENDAH. Liga Penalti Peringkat Serendah.



16 MEI 2024 • SURAU DARUSSALAM, DESA KIAMBANG, SERENDAH. Perayaan Hari Raya Aidiladha.




23 JUN 2024 • SERENDAH. Pertandingan Badminton Peringkat Gbbm Serendah.



LAPORAN ADUAN



JUMLAH ADUAN BAGI TAHUN 2024 (JANUARI - JUN)



PENERIMAAN ADUAN MENGIKUT JABATAN

| MAJLIS / JABATAN | ADUAN | SELESAI | % |
|--|--------------|--------------|--------------|
| JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN | 2 | 2 | 100.00 |
| UNIT INTEGRITI | 4 | 4 | 100.00 |
| BAHAGIAN KORPORAT | 5 | 5 | 100.00 |
| JABATAN PERBENDAHARAAN | 10 | 10 | 100.00 |
| JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT | 19 | 18 | 94.74 |
| JABATAN PELESENAN | 20 | 19 | 95.00 |
| JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA | 28 | 28 | 100.00 |
| BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN COB | 47 | 47 | 100.00 |
| JABATAN PERANCANG BANDAR | 79 | 73 | 92.41 |
| JABATAN BANGUNAN | 149 | 137 | 91.95 |
| AGENSI LUAR | 243 | 226 | 93.00 |
| UNIT KAWALAN HAIWAN TERBIAR | 279 | 277 | 99.28 |
| JABATAN PENGUATKUASAAN | 452 | 442 | 97.79 |
| JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM | 468 | 420 | 89.74 |
| JABATAN LANDSKAP | 520 | 460 | 88.46 |
| JABATAN KEJURUTERAAN | 785 | 771 | 98.22 |
| JUMLAH | 3,110 | 2,939 | 94.50 |



PENERIMAAN ADUAN MENGIKUT KATEGORI


| BUTIRAN | ADUAN | ADUAN | % |
|--|--------------|--------------|--------------|
| PONDOK/STESEN BAS/TEKSI | 0 | 0 | 0.00 |
| PENGURUSAN STADIUM | 0 | 0 | 0.00 |
| PUSAT KECANTIKAN DAN KESIHATAN | 0 | 0 | 0.00 |
| HOTEL BAJET/HOMESTAY | 0 | 0 | 0.00 |
| PUSAT HIBURAN | 0 | 0 | 0.00 |
| CYBERCAFE | 1 | 1 | 100.00 |
| IKLAN | 2 | 2 | 100.00 |
| PENGUATKUASAAN | 9 | 9 | 100.00 |
| TADBIR URUS | 17 | 16 | 94.12 |
| BIL CUKAI TAKSIRAN | 21 | 21 | 100.00 |
| KEBERSIHAN PERMIS MAKANAN | 22 | 21 | 95.45 |
| PERUMAHAN | 24 | 24 | 100.00 |
| BENCANA ALAM | 48 | 48 | 100.00 |
| PENCEMARAN | 57 | 53 | 92.98 |
| LESEN PERNIAGAAN | 69 | 65 | 94.20 |
| HARTA PBT | 77 | 76 | 98.70 |
| PROJEK/TAPAK BINAAN | 79 | 71 | 89.87 |
| HALANGAN AWAM | 80 | 78 | 97.50 |
| PENJAJA | 86 | 79 | 91.86 |
| TAMAN PERMAINAN/TAMAN RIADAH/TAMAN TASIK/DATARAN | 87 | 82 | 94.25 |
| TEMPAT LETAK KENDERAAN/PARKIR | 148 | 148 | 100.00 |
| BANGUNAN | 213 | 193 | 90.61 |
| LAMPU | 222 | 216 | 97.30 |
| KEJIRANAN | 288 | 270 | 93.75 |
| JALAN | 314 | 304 | 96.82 |
| HAIWAN / SERANGGA | 400 | 393 | 98.25 |
| POKOK | 544 | 474 | 87.13 |
| PEMBERSIHAN AWAM | 880 | 803 | 91.25 |
| JUMLAH | 3,688 | 3,447 | 93.47 |




▶ LAPORAN ADUAN



KATEGORI ADUAN TERTINGGI





PENERIMAAN ADUAN MENGIKUT KAWASAN



JANUARI - JUN 2024



SALURAN PENERIMAAN ADUAN



DIREKTORI



YANG DIPERTUA

TUAN MOHD HASRY BIN NOR MOHD A.M.S.



SETIAUSAHA
TUAN AWALUDDIN BIN ZAKARIA
A.M.S.



PENGARAH
JABATAN PERBENDAHARAAN
ENCIK SAIFUL RIZZA BIN
HJ PIAMIN, C.A (M), P.P.T.



PENGARAH
JABATAN PERANCANG BANDAR
TPr. Gs. AZLINA BINTI
MOKHTAR, P.P.T.



PENGARAH
JABATAN PELESENAN
ENCIK KAMARUZZAMAN BIN
ABDUL RAHMAN, P.P.T.



PENGARAH
JABATAN LANDSKAP
LAr. MOHD FADHIL BIN
MOHD LANI, P.P.T.



PENGARAH
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL
& PEMBERSIHAN AWAM
ENCIK MOHD SHAHRIL
BIN RAMLI



PENGARAH
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
ENCIK MOHD NORAZIF BIN
AHMAD TAMSIS, P.P.T.



PENGARAH
JABATAN BANGUNAN
ENCIK MD RIZAL BIN
MOHD SOFIAN@ABD KARIM, P.P.T.



PENGARAH
JABATAN PENILAIAN &
PENGURUSAN HARTA
ENCIK AMLIE BIN ISMAIL,
P.P.T.



PENGARAH
JABATAN PENGUATKUASAAN
ENCIK MUHAMMAD AZRUL
NIZAM BIN MOHD AZIZI



PENGARAH
JABATAN KEJURUTERAAN
PUAN SHARIFAH
BINTI ATAN



KETUA
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
PUAN NURUL HUDA AHMAD
BINTI KHAIRUDDIN



KETUA
BAHAGIAN KORPORAT
PUAN JUNAINAH
BINTI ABDULLAH



KETUA
BAHAGIAN PUSAT SETEMPAT (OSC)
ENCIK MOHD RAZAINI
BIN ISHAK



KETUA
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN
PUAN NURUL ASSHIMA
BINTI AMINULLAH



KETUA
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
ENCIK MOHAMAD RAMDAN
BIN IBRAHIM



KETUA
BAHAGIAN PEROLEHAN
IK NORAZIMAH BINTI
MOHD ARSHAD, P.P.C.



KETUA
BAHAGIAN PERUNDANGAN
PUAN RUZIANAH
BINTI MOHAMAD



KETUA
BAHAGIAN AUDIT DALAM
ENCIK SAM SUL KAMAL
BIN ABD AZIZ



KETUA
UNIT INTEGRITI
ENCIK ANDULLAH SHAHRIL
BIN ROSLI

YANG DIPERTUA SETIAUSAHA, PENGARAH/KETUA JABATAN DAN AHLI-AHLI MAJLIS



ZON 24

Y.A.D. RAJA DATO' MUZAFFAR
BIN RAJA REDZWA, *D.S.I.S.*



ZON 06

PUAN ELYN LAW SUET PENG



ZON 17

ENCIK PUVANESVARAN
A/L PATCHIMUTHU



ZON 05

ENCIK ABDUL MUN'IM
BIN ROSLIN



ZON 15

ENCIK RAJASEGAR
A/L RAMAIAH



ZON 11

ENCIK RAJESH RAO
A/L BALAKRISHNAN



ZON 03

PUAN ROHANI BINTI YUSOF



ZON 21

PUAN HAYATI BINTI CHAT



ZON 08

PUAN SARIPAH BINTI BAKAR



ZON 18

ENCIK MOHAMAD FARIDUL
AMINI BIN SUHAIMI



ZON 07

ENCIK SRIKANTH
A/L SANTRAKANDM



ZON 10

PUAN YONG CHAN HEE



ZON 02

ENCIK MD JOHARI BIN HALUS



ZON 23

PUAN THILAGESWARY
A/P MUNIANDI



ZON 12

ENCIK LAW SAY HIN



ZON 04

ENCIK A. DURAI ANBALAGAN
A/L AYYA KANAMA



ZON 19

ENCIK FUAD
BIN AHMAD NARAVI



ZON 22

ENCIK MUHAMMAD SYAFIQ
BIN ZAZALI



ZON 09

TUAN SYED HIDAYAT
BIN SYED HASSAN



ZON 13

TUAN CHINNIAH
A/L SUBRAMANIAM



ZON 14

PUAN WONG SHEAU MEI
@ ONG SHEAU MEI



ZON 20

ENCIK MURUGAN
A/L VEERAPANDIAN



ZON 16


ENCIK AYLWIM CHAN
WAI TUCK



ZON 01

ENCIK MOHD REZZA
BIN RAMLAY

MPHS GO



Muat Turun Sekarang!



 E-Perkhidmatan MPHS

 Aduan kepada pelbagai agensi

 Pembayaran cukai & bil utiliti

 Direktori

- Agensi Kerajaan Hulu Selangor
- Pejabat Penghulu, Hulu Selangor

 Lokasi Pejabat Kerajaan Hulu Selangor

 Lokasi dan tempat menarik di Hulu Selangor

 Promosi Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR)

 Makluman dan pengumuman

 AI Talian Kecemasan

 QR Code Scanner

 Mudah untuk digunakan



MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR

Jalan Bukit Kerajaan, 44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor Darul Ehsan.
Telefon : +60360641331 | Faks : +60360643991



www.mphs.gov.my



@MajlisPerbandaranHuluSelangor



@mphulselangor

